

BAB SATU

KELANTAN DI SEKITAR TAHUN-TAHUN 1900 SEHINGGA 1941

Geografi

Negeri Kelantan¹ terletak di Pantai Timur Malaysia Barat di antara Garisan Lintang 4.45 dan 6.25 di Utara dan Garisan Bujur 101.30 dan 102.40 di Timur. Di Utara ialah Laut China, di Timur ia dirangkaikan kepada Laut China dan Negeri Terengganu dan di Selatan kepada Negeri Pahang serta di sebelah Barat kepada Negeri Perak dan Wilayah Narathiwat di Selatan Siam.

Negeri ini mempunyai tiga kawasan muka bumi iaitu kawasan pesisir pantai, kawasan ke arah pedalaman dan kawasan pedalaman.² Kawasan pesisir pantai terdiri daripada satu dataran yang telah diubah oleh anak-anak sungai yang sering pasang surut. Kawasan ke arah pedalaman merupakan kawasan datar yang luas sehauh 10 batu hingga 25 batu yang meliputi lebih kurang 1000 batu persegi tanah lapang yang subur. Kawasan pedalaman pula terdiri daripada kawasan bukit-bukau yang rendah dan hutan rimba hingga ke kawasan pergunungan. Bentuk muka bumi yang berbukit-bukau ini terletak terutamanya di antara negeri Kelantan dengan Siam, Pahang, Perak dan Terengganu.

¹ Untuk keterangan yang lebih jelas berkenaan kedudukan geografi negeri Kelantan sila rujuk: W. A. Graham, Kelantan: A State of the Malay Peninsula, James Maclehose and Sons, Glasgow, 1908, hlm. 4. Lihat juga Malayan Year Book 1935, 1936, 1937, 1938 dan 1939, Government Printing Office, Singapore, 1935.

² Lihat Chan Siew Kui, "Sejarah Perkembangan Perusahaan Getah di Negeri Kelantan 1900-1941", Tesis B.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1986/87, hlm. 2.

Sejarah pentadbiran.

Sejarah awal Kelantan tidak jelas namun terdapat bukti bahawa negeri ini bermula dengan pemerintahan Long Yunus.³ Dari awal abad ke tujuh belas sehingga pertengahan abad ke lapan belas negeri ini berada di dalam keadaan berpecah dan kuasa pemerintahan dibahagikan antara beberapa orang pemerintah tempatan yang saling bertelingkah sesama sendiri untuk memperolehi kuasa memerintah mutlak ke atas negeri itu. Keadaan ini berterusan sehingga awal abad ke sembilan belas, di bawah pemerintahan Sultan Muhammad I (1800-1835 Masehi), satu struktur kuasa yang lebih jelas telah dibentuk.⁴ Sultan cuba mengukuhkan kedudukannya dengan mewujudkan corak pemerintahan yang berasaskan sistem berpusat, dan sultan berada di puncaknya.⁵

Di dalam corak pentadbiran tradisional Kelantan yang di atas sekali ialah unit negeri yang ditadbir oleh Sultan. Sultan sebagai pemimpin mempunyai kedudukan tertinggi dalam sistem politik negeri Kelantan. Baginda mempunyai kuasa mutlak dan dianggap sebagai lambang perpaduan negeri. Sultan dihormati oleh rakyat, di sekelilingnya terdapat kaum kerabat, ketua-ketua dan pegawai-pegawai bergelar.⁶

Ini diikuti oleh unit yang lebih kecil iaitu jajahan.⁷ Di peringkat ini pentadbiran adalah dijalankan oleh ketua-ketua jajahan. Kelantan sehingga tahun 1920

³ Anker Rentse, "The History of Kelantan", dalam JMBRAS, Jilid 12, No. 2, 1934, hlm. 57.

⁴ Hugh Clifford, Report on Expedition Trengganu and Kelantan, The Federated Malay States, Government Press, Kuala Lumpur, 1938, hlm. 132.

⁵ Ibid.

⁶ J.M. Gullick, Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 71.

⁷ Jajahan yang digunakan di negeri Kelantan ialah dengan maksud "daerah" yang digunakan di negeri-negeri lain. Lihat, Syed Husin Ali, Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia, Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1971, hlm. 175.

masih lagi terbahagi kepada tiga buah jajahan iaitu Kota Bharu, Hulu Kelantan dan Pasir Putih. Tiap-tiap jajahan, kecuali jajahan Kota Bharu, diketuai oleh seorang Ketua Jajahan. Jajahan Kota Bharu diketuai oleh Pesuruhjaya Tanah.⁸

Unit seterusnya ialah daerah atau ‘kweng’.⁹ Pimpinan daerah ini dipanggil To’ Kweng atau Penggawa.¹⁰ Jawatan To’ Kweng dilantik oleh Sultan dan ianya dipilih daripada orang dari kawasan itu sendiri. Antara tugas To’ Kweng ialah memungut cukai seperti padi, tanah, ubi dan lain-lain lagi. Di samping itu To’ Kweng juga ditugaskan mengerah tenaga rakyat menurut ‘Sistem Kerah’.

Unit politik yang paling kecil sekali dalam sebuah jajahan ialah kampung atau Nebeng.¹¹ Pimpinan mukim ini digelar Tok Nebeng atau penghulu. Ia menjadi jambatan dan saluran hubungan di antara golongan anak buahnya dengan pembesar daerah atau sebagai pembantu kepada To’Kweng. Menurut Syed Husin Ali,

The Penghulu, except in Kelantan is head of the mukim which, as has already been explained, is the smallest territorial unit in the administration. Since the term means villages headman in Kelantan, there is therefore a different name for the head of the mukim, i.e.Penggawa. In Kelantan the area over which a Penggawa has jurisdiction is actually called a daerah (district) and not a mukim as in the other states. However, the equivalent of a daerah in

⁸ Lihat Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, “Penasihat Inggeris: Pembaharuan Pentadbiran Negeri Kelantan dan Pengukuhan Kuasa (1910-1920)”, dalam Warisan Kelantan XI, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1992, hlm. 62.

⁹ Perkataan ‘Kweng’ berasal dari perkataan Siam yang membawa maksud daerah. Annual Report Kelantan (ARK), 1917, Federated Malay States, Government Printing Office, Kuala Lumpur, 1918, hlm. 2.

¹⁰ Institusi To’Kweng ini telah ditukar namanya kepada panggilan “penggawa” mulai tahun 1917, tetapi peranannya tidak banyak berubah. Lihat, Kelantan Administration Report (KAR), 1917, Federated Malay States, Government Printing Office, Kuala Lumpur, 1918, hlm. 12.

¹¹ ‘Nebeng’ juga berasal daripada perkataan Siam, Pu Ban atau Pu Nai Ban yang bererti seorang besar kampung. Lihat, W. J. Siffin, The Thai Bureaucracy, its Institutional Change and Development, East-West, Centre Press, Honolulu, 1966, hlm. 73.

Kelantan is the mukim in the other states, where as what is known as daerah in the other states is called jajahan in Kelantan.¹²

Satu lagi jawatan yang penting dalam sesebuah kampung ialah imam atau lebih dikenali dengan panggilan Tok Imam.¹³ Seseorang imam dilantik oleh Sultan dengan memberi kuasa kepadanya untuk mengurus soal-soal agama Islam seperti soal-soal pengajaran agama Islam, nikah kahwin, perceraian, zakat fitrah dan lain-lain lagi. Selepas jawatan imam ialah Khatib dan Bilal.¹⁴ Khatib dan Bilal juga diberi tugas di dalam urusan agama Islam. Mereka merupakan pembantu imam di dalam mengurus masjid, pengajaran agama Islam, pungutan zakat dan sebagainya.

Kelantan tidak terkecuali daripada menerima naungan dari negara luar. Negeri ini telah menjadi naungan Siam sejak pemerintahan Sultan Muhammad I (1800-1835 Masehi). Sebagai tanda penaungan ini, “bunga emas” telah dihantar kepada Siam setiap tiga tahun sekali. Peranan kerajaan Siam dalam pergolakan politik Kelantan semakin meningkat sejak berlakunya “perang saudara” pada tahun 1838-1839. Kesan perkembangan ini, pemerintah Kelantan telah meniru cara perlaksanaan pemerintahan Siam, khususnya dari segi pentadbiran jajahan dan kemudiannya sistem pungutan

¹² Lihat, Syed Husin Ali, Malay Peasant Society and Leadership, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 119. Lihat juga, Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 69-72.

¹³ Lihat, William R. Roff, “The Origin and Early Years of the Majlis Agama”, dalam William R. Roff (ed.), Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 104-105.

¹⁴ *Ibid.*, hlm. 105.

cukai.¹⁵ Pengaruh politik kerajaan Siam ke atas Kelantan berterusan sehingga awal abad ke dua puluh.

Menjelang awal abad ke dua puluh, kerajaan British mula menaruh minat terhadap negeri Kelantan. Untuk mengelakkan pertapakan kuasa British di negeri Kelantan, pihak Siam mula berunding dengan British tentang kedudukan negeri Kelantan dan masalah-masalah yang sering berlaku di dalam negeri tersebut. Perundingan ini berlaku pada 22 Jun, 1901 iaitu semasa pemerintahan Long Senik sebagai Sultan.¹⁶

Hasil daripada Perjanjian Inggeris dan Siam yang dimeterai pada pertengahan tahun 1902, maka Kelantan telah diletakkan di bawah naungan Siam tetapi ditadbirkan secara Sistem Penasihat (Advisory System) oleh dua orang pegawai bangsa Inggeris iaitu seorang dari Perkhidmatan Awam Siam sebagai Residen dan Pesuruhjaya Tinggi Siam di Kelantan dan seorang lagi dari Perkhidmatan Awam Negeri-negeri Melayu Bersekutu sebagai Penolong Residen dan Pesuruhjaya Tinggi.¹⁷ Pada 25 Julai, 1903 William Armstrong Graham dan Penolongnya H.W.Thomson tiba di Kota Bharu dari Bangkok dengan kapal perang Siam untuk memegang jawatan masing-masing. Pentadbiran baru di negeri Kelantan terkenal dengan nama “Pentadbiran Graham” yang berjalan selama tujuh tahun dari 25 Julai, 1902 hingga 15 Julai, 1909 apabila negeri

¹⁵ Ishak Shari, “Keadaan Ekonomi dan Struktur Masyarakat Melayu Kelantan Pada Abad ke-19”, dalam Masyarakat Melayu Abad ke 19, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 21.

¹⁶ Long Senik ditabalkan dengan gelaran Sultan Muhammad IV(1899-1920). Lihat, Alias Mohamed, Kelantan: Politik dan Dilemma Pembangunan, Utusan Melayu Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1975, hlm. 9.

¹⁷ Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, “Bandar Kota Bharu: Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya”, dalam Warisan Kelantan iii, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1984, hlm. 100-101.

Kelantan diserahkan oleh Siam kepada Inggeris mengikut Perjanjian Inggeris-Siam tahun 1909 Masehi.

Hasil dari perjanjian tersebut telah wujud sebuah Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) pada tahun 1903.¹⁸ Ahli-ahli MMN pada tahun 1907 adalah seramai 15 orang yang terdiri dari Sultan sebagai ketua, Raja Kelantan, Kerabat-kerabat diraja, Menteri Besar, Penasihat British dan Penolong Penasihat serta Mufti.¹⁹

Fungsi utama MMN ialah menggubal undang-undang. Undang-undang negeri Kelantan akan dibentang oleh Sultan di MMN yang biasanya mendapat nasihat dari Penasihat British. Pada amalan yang sebenar, Penasihat Britishlah yang bertanggungjawab ke atas kebanyakan undang-undang yang dibentang oleh Sultan. Selain daripada peranannya menggubal undang-undang, MMN juga bertugas untuk meluluskan dasar negeri dan peruntukan kewangan. MMN juga menerima dan meluluskan permohonan untuk memiliki tanah dan memulakan perniagaan di Kelantan, mempunyai kuasa kehakiman, melantik kakitangan kerajaan dan mengawal tindak-tanduk mereka. Selain dari fungsi-fungsi di atas, MMN juga menjadi tempat bagi pihak berkuasa British untuk mengetahui pandangan ahli-ahlinya ke atas pembaharuan-pembaharuan yang akan dijalankan oleh British.²⁰

¹⁸ Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, op.cit., him. 60.

¹⁹ Ibid., him. 61.

²⁰ Ibid.

Pentadbiran melalui jabatan-jabatan dibuat dengan menerima nasihat dan pandangan daripada penasihat yang mewakili kerajaan Siam telah berjalan dengan lancarnya. Menurut Mohamed bin Nik Mohd. Salleh,

Under the new regime, Kelantan, then, made considerable progress. The new administration had effected considerable alterations in the conduct of affairs. In six years, it had more or less brought order out of chaotic conditions; successfully checked the intrigues of the royal family and the nobility; resecured the state revenues from misappropriation and entrusted them to a newly created Treasury; passed numerous laws and regulations; brought justice within the reach of the populace; started many works of public utility; and organized or established numerous government departments for the proper administration of the state.²¹

Pada tahun 1909, negeri Kelantan diserahkan oleh Siam kepada British . Penyerahan ini dibuat di dalam satu perjanjian pada tahun 1909.²² Melalui perjanjian tersebut seorang rakyat British, James Scott Mason telah dihantar oleh kerajaan British untuk menjadi penasihat British kepada kerajaan Kelantan. Maka dari semenjak itulah corak pentadbiran negeri banyak diubah, disusun dan dibaiki mengikut keadaan masa. Hingga ke tahun 1913, semua jawatan ketua-ketua pejabat yang dipegang oleh kerabat-kerabat Di Raja telah diberhentikan dan diganti dengan pegawai-pegawai British.

Semasa Kelantan di bawah pentadbiran penjajahan British dari tahun 1909 hingga 1941 apabila Jepun melanggar dan menakluki Tanah Melayu

²¹ Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, "Kelantan in Transition: 1891-1910", dalam William R. Roff (ed.), Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 45.

²² Ibid., hlm. 57.

banyak sekali pejabat-pejabat baru telah dibina di Kota Bharu. Pejabat-pejabat tersebut seperti Pejabat-pejabat Jajahan, Tanah dan Bandar, Pos dan Telegraf (masih ada hingga sekarang), Mahkamah (berdekatan dengan bangunan Ibu Pejabat Polis Kelantan), Ibu Pejabat Polis Kelantan, Jabatan Kerja Raya (di Kampung Puteh), Hospital Besar dan lain-lain lagi. Begitu juga bangunan-bangunan lain seperti kedai-kedai terutama sekali di Jalan Sultanah Zainab, Jalan Tok Hakim, Jalan Temenggong, Jalan Tengku Petra Semerak dan di sekitar Pasar Besar Kota Bharu sekarang.²³

Perubahan dasar pentadbiran telah menyebabkan berlakunya satu pemberontakan penduduk Pasir Putih yang dipimpin oleh Tok Janggut pada tahun 1915. Pembesar-pembesar Kelantan di daerah itu, yang mendapati kedudukan mereka semakin tercabar, telah menggembelengkan tenaga rakyat yang membantah pelaksanaan sistem cukai tanah yang baru serta tindak tanduk pegawai daerah di daerah itu, untuk menentang secara terbuka pemerintahan British di Kelantan.²⁴ Walaupun pemberontakan itu akhirnya dapat ditumpaskan oleh pemerintah British dengan bantuan tentera dari Singapura, kejadian itu sekali lagi menyedarkan pihak penjajah British betapa perlunya sikap berhati-hati serta kerjasama golongan elit tradisional demi menjayakan dasarnya di negeri-negeri Melayu.

²³ Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh, "Bandar Kota Bharu: Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya", hlm. 102.

²⁴ Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang pemberontakan ini, sila rujuk Ibrahim Nik Mahmood, "The To' Janggut Rebellion of 1915", dalam William R. Roff (ed.), Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 62-86. Lihat juga Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Agama dan Kebangkitan Anti-British di Tanah Melayu", dalam Tamadun Islam di Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 128-130.

Oleh itu selepas berjaya menghancurkan pemberontakan Tok Janggut di Pasir Putih, pihak pemerintah British di Kelantan menubuhkan dua buah badan baru dengan tujuan untuk mengetahui reaksi rakyat terhadap dasar yang dilaksanakan. Salah satu daripada badan itu ialah Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu (MAIK) yang dikatakan menjadi badan penasihat berhubung dengan soal agama dan adat di negeri itu. Sebuah lagi badan yang ditubuhkan oleh pemerintah British untuk dijadikan alat untuk menghubungkan pemerintah dengan rakyat jelata ialah Perhimpunan Penggawa-penggawa.²⁵

Di samping itu, pemerintah British di Kelantan juga mengambil berbagai-bagai langkah lain untuk mengukuhkan penguasaan terhadap negeri itu serta untuk menawan hati rakyat. Salah satu langkah ialah penyusunan semula sistem kehakiman serta sistem polis dan penjara yang didapati masih tidak memuaskan. Perkembangan perkhidmatan kesihatan juga berlaku semasa pemerintahan British. Sistem perhubungan juga mengalami perubahan yang besar. Selepas berlakunya pemberontakan Tok Janggut pada tahun 1915, sebatang jalan raya untuk menghubungkan Kota Bharu dengan Pasir Putih telah dibina. Selain itu jalan keretapi yang menghubungi Kelantan dengan seluruh Semenanjung telah siap dibina pada tahun 1931. Segelintir anak-anak daripada golongan elit Melayu Kelantan diberi pendidikan Inggeris dan dihantar ke institusi pengajian tinggi dan mereka yang berpendidikan barat ini dibenar mengendalikan urusan berbagai-bagai jabatan. Dengan itu peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai British pada tahun-tahun 1930-an dan awal 1940-an hanyalah setakat menentukan dasar dan mengawasi

²⁵ Ishak Shari, Pembangunan dan Kemunduran: Perubahan Ekonomi Luar Bandar di Kelantan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992 hlm. 126.

perjalanan sistem pentadbiran supaya kepentingan penjajah British dapat dipelihara.²⁶ Oleh yang demikian dapatlah dirumuskan bahawa antara tahun 1909 hingga 1939, pemerintah British dapat mengukuhkan penguasaannya terhadap negeri itu.

Keadaan ekonomi Kelantan

Sistem ekonomi Kelantan, seperti negeri Melayu yang lain perkembangan ekonominya agak lembab. Secara relatifnya struktur ekonominya berbentuk saradiri. Pertanian merupakan kegiatan ekonomi yang penting. Padi merupakan tanaman utama bagi penduduk negeri Kelantan terutama bagi orang Melayu yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar. Selain daripada mempunyai kawasan yang sangat subur untuk tanaman padi, padi juga merupakan makanan asasi bagi penduduk negeri Kelantan.²⁷ Kawasan tanaman padi yang utama ialah di daerah Tumpat, Kota Bharu, Bachok, Pasir Mas dan Pasir Putih.²⁸ Pada tahun 1921, seramai 127,459 orang penduduk negeri Kelantan (iaitu 71.8 peratus daripada mereka yang berpekerjaan) dilaporkan terlibat dengan kegiatan ini.²⁹

Secara purata pada akhir abad ke sembilan belas Kelantan dapat mengeluarkan sebanyak 70,000 tan padi setiap tahun. Jumlah ini sebenarnya melebihi penggunaan dalam negeri. Jadi, negeri Kelantan berupaya mengeksport di antara 4,000

²⁶ Ibid., 127-131.

²⁷ R.O. Winstedt, The Malays : A Cultural History, Routledge and Regan, London, 1961, hlm. 124.

²⁸ Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, "Perkembangan Ekonomi Kelantan (1900-1920): Peranan Penasihat Inggeris", dalam Warisan Kelantan IX Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1990, hlm. 51.

²⁹ Ishak Shari, Pembangunan dan Kemunduran, hlm. 160.

hingga 5,000 tan padi setiap tahun.³⁰ Pada dekad pertama abad ke dua puluh, negeri Kelantan merupakan salah sebuah negeri pengeksport beras yang utama di Tanah Melayu selepas Kedah dan Perlis. Walau bagaimanapun selepas tahun 1924, pengeluaran hasil padi di negeri Kelantan terus merosot. Keadaan ini disebabkan berkembangnya tanaman getah yang dibawa masuk oleh pemerintah British. Sejak itu, negeri Kelantan terpaksa mengimport beras untuk keperluan dalam negeri.

Selain menanam padi, orang Melayu juga terlibat dalam penanaman getah. Namun begitu secara keseluruhannya, cara pengeluaran getah yang dijalankan oleh petani Kelantan masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan cara pengeluaran di estet dan juga di kalangan pekebun kecil getah di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung. Kawasan kebun getah mereka biasanya tidak dijaga dengan baik dan hasil purata yang diperolehi lebih rendah daripada yang diperolehi oleh pekebun kecil getah di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung. Sebagai contoh, hasil purata bagi setiap ekar kebun kecil getah di Kelantan pada tahun 1930 hanyalah 345lb setahun berbanding dengan 480lb di seluruh Semenanjung.³¹

Perusahaan getah walaupun diceburi oleh orang Melayu, namun penguasaan sebenar adalah di tangan syarikat-syarikat Eropah. Syarikat Duff umpamanya pada tahun 1909, telah menanam getah seluas 1,218 ekar dari jumlah 40,000 ekar yang dicadangkan untuk tanaman getah di seluruh Kelantan.³² Selain Syarikat Duff terdapat

³⁰ W.A.Graham, op.cit., hlm. 71.

³¹ Ishak Shari, Pembangunan dan Kemunduran, hlm. 173.

³² Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, "Perkembangan Ekonomi Kelantan (1900-1920): Peranan Penasihat Inggeris", hlm. 48.

beberapa syarikat Eropah lain yang turut menguasai industri getah di Kelantan. Syarikat-syarikat tersebut ialah ‘The Bagan Rubber Company Limited’ membuka ladang getah di kawasan seluas 1,000 ekar di daerah Bagan, Hulu Kelantan. Syarikat ini beribu pejabat di Singapura dan dikendalikan oleh Hilton M’Gill, ‘The Bukit Ator Estate’ merupakan kawasan ladang getah yang disewa oleh Hilton M’Gill dan meliputi kawasan seluas 1,900 ekar dan ‘The Bagan Rubber Estate’ merupakan ladang yang diusahakan oleh penyewa Messrs Tilleke dan Mackey, meliputi kawasan seluas 4,000 ekar dan beribu pejabat di Bangkok.³³ Pada penghujung tahun 1910, terdapat sebanyak dua puluh dua buah estet getah besar di negeri Kelantan.³⁴

Kemasukan pemodal-pemodal asing yang bergiat di dalam bidang industri perladangan ini, tidak pula bererti yang orang-orang tempatan tidak turut sama melibatkan diri. Terdapat dua buah syarikat yang diletakkan di bawah kelolaan kerabat di raja Kelantan iaitu ‘The Batu Mengkebang Planting Estate’, merupakan kawasan ladang getah di daerah Hulu Kelantan yang disewa oleh Tengku Petri. Ianya meliputi kawasan seluas 5,000 ekar dan ‘The Bukit Marak Planting Estate’ merupakan kawasan ladang kelapa yang disewa oleh Tengku Petra Dalam Kebun dan meliputi kawasan seluas 200 ekar.³⁵

Selain padi dan getah, kelapa juga merupakan tanaman yang penting, terdapat lebih daripada 500,000 pokok kelapa yang telah dapat mengeluarkan hasil. Di

³³ Ibid., hlm. 45. Lihat juga Shahril Talib, History of Kelantan 1890-1940, MBRAS, 1995, hlm. 86.

³⁴ Ishak Shari, Pembangunan dan Kemunduran, hlm. 134.

³⁵ Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, “Perkembangan Ekonomi Kelantan (1900-1920): Peranan Penasihat Inggeris, hlm. 47.

sekitar tahun 1906 dan 1907 sejumlah 41,150 pikul kelapa telah dieksport ke Singapura.³⁶ Dengan kata lain kelapa kering merupakan hasil eksport yang penting bagi negeri Kelantan pada awal abad ke dua puluh. Ladang-ladang kelapa terdapat terutama di jajahan Pasir Putih dan dikatakan ‘The Pasir Puteh Coconut Estate’, merupakan ladang kelapa yang disewa oleh pengusaha F.O. Rasmussen adalah meliputi kawasan seluas 500 ekar.³⁷

Selain itu jagung, ubi kayu dan lada hitam juga ditanam di negeri Kelantan. Hasil-hasil hutan pula terdiri daripada getah perca, gading gajah, kayu gemuning, gaharu, rotan, damar dan buluh.³⁸ Hasil yang dipungut ini merupakan sebahagian daripada punca pendapatan Kelantan.

Sebelum kedatangan penasihat-penasihat British, negeri Kelantan sudah pun mempunyai ekonomi yang berbentuk perdagangan. Dalam bidang perlombongan emas misalnya Syarikat Duff telah mendapat konsesi daripada raja Kelantan pada 10 Oktober, 1900 untuk memulakan kegiatan awalnya.³⁹ Pada bulan Jun, 1904, Syarikat Duff telah membiayai ‘The Kelantan Gold Dredging Company Limited’ untuk mengusahakan kerja-kerja perlombongan emas. Syarikat ‘Kelantan Gold’ ini telah membeli empat buah

³⁶ W.A.Graham, op.cit., hlm. 72. Lihat, juga ARK, 1903-1904, hlm. 29.

³⁷ Mohd. Kamaruzaman A.Rahman, “Perkembangan Ekonomi Kelantan (1900-1920): Peranan Penasihat Inggeris”, hlm. 44-45.

³⁸ Chan Siew Kui, op.cit., hlm. 9.

³⁹ Untuk penjelasan lanjut tentang latarbelakang penubuhan Syarikat Duff dan usahanya mendapatkan konsesi dari Raja Kelantan, Lihat, L.R. Robert, “The Duff Syndicate in Kelantan 1900-1902”, dalam JMBRAS, Jilid 45, No.1, 1971, hlm. 81-110.

kapal korek untuk digunakan bagi melombong emas di Sungai Galas yang dianggarkan dapat mengeluarkan sekurang-kurangnya 1,200-1,500 auns bijih emas sebulan.⁴⁰

Selain Syarikat Duff terdapat beberapa syarikat lain yang turut melabur dalam industri perlombongan. Syarikat-syarikat tersebut ialah ‘The Galas River Syndicate Limited’, dengan ‘Messrs Guthrie & Company Limited’ sebagai ejen di Singapura menjalankan kegiatan perlombongan di Galas. ‘The Bukit Merbau Mining Syndicate’, beribu pejabat di Kuala Lumpur pula menjalankan kegiatan perlombongan di kawasan Pasir Putih. Selain kedua-dua syarikat tersebut, lain-lain syarikat yang dikenalpasti beroperasi dalam bidang perlombongan ialah ‘Patterson Simon & Company Limited’, ‘The Kelantan Exploration Syndicate Limited’ dan ‘The Nenggiri Prospecting & Mining Concession’.⁴¹

Selain daripada bergiat dalam bidang pertanian dan perlombongan, penduduk Kelantan juga sebahagian besarnya terlibat dalam penangkapan ikan. Banci penduduk pada tahun 1921 melaporkan bahawa kira-kira 7,197 orang penduduk lelaki di negeri Kelantan (atau 14.1 peratus daripada penduduk lelaki yang bekerja) terlibat dalam perusahaan ini. Bilangannya dilaporkan turun kepada 6,224 orang atau 5.8 peratus sahaja pada tahun 1931.⁴² Jajahan-jajahan yang banyak terbabit dalam bidang ini ialah Pasir Putih, Bachok, Kota Bharu dan Tumpat. Laut China Selatan yang terbentang luas,

⁴⁰ ARK, 1903/1904, hlm. 27 dan ARK, 1904/1905, hlm. 16.

⁴¹ Mohd. Kamaruzaman A.Rahman, “Perkembangan Ekonomi Kelantan (1900-1920): Peranan Penasihat Inggeris”, hlm. 45.

⁴² Ishak Shari, Pembangunan dan Kemunduran, hlm. 167.

menyediakan banyak sumber ikan kepada penduduk negeri Kelantan. Walau bagaimana pun penangkapan ikan menggunakan kaedah tradisional.⁴³

Terdapat juga di kalangan penduduk Kelantan yang terlibat di dalam perusahaan menenun kain, membuat perahu, bertukang emas, membuat batu-bata serta berniaga secara kecil-kecilan.⁴⁴ Selain itu pemeliharaan binatang juga dilakukan oleh penduduk negeri Kelantan. Mereka menternak lembu dan kerbau yang dieksport berbilangan ekor pada setiap tahun ke Singapura.⁴⁵

Hasil eksport utama bagi negeri Kelantan pada awal abad ke dua puluh ialah emas, kelapa kering, getah perca, binatang ternakan, tenunan sutera, perahu-perahu buatan tempatan, bahan makanan dan sebagainya.⁴⁶ Selepas tahun-tahun 1910-an getah telah menjadi bahan eksport yang penting kerana harga getah yang tinggi ketika itu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sementara eksport emas kian berkurangan kerana belanja yang digunakan melebihi pendapatan yang diperolehi. Pada tahun 1909 misalnya Syarikat ‘Kelantan Gold’ telah memulakan kegiatan melombong emas di daerah Sokor yang mana belanja yang digunakan lebih kurang 50,000 pound tetapi malangnya hasil yang diperolehi cuma 8,524 auns yang bernilai 32,627 pound.⁴⁷

⁴³ Rosmi Mat Nasir, op.cit., hlm. 15.

⁴⁴ W.A.Graham, op.cit., hlm. 65-68.

⁴⁵ Lihat, ARK, 1903-1904, hlm. 26.

⁴⁶ W.A. Graham, op.cit., hlm. 59. Lihat juga, ARK, 1903-1904, hlm. 29.

⁴⁷ Mohd.Kamaruzaman A.Rahman, “Perkembangan Ekonomi Kelantan (1900-1920): Peranan Penasihat Inggeris”, hlm. 48.

Memandangkan pendapatan dari perlombongan emas tidak begitu menggalakkan, Syarikat Duff telah meluaskan lagi kegiatannya dalam bidang perladangan. Berdasarkan harga getah yang tinggi ketika itu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Syarikat Duff mula berminat dalam penanaman getah. Lantaran itulah dapat dilihat peningkatan dalam pengeksportan getah berbanding dengan emas.

Kebanyakan hasil tersebut telah dieksport ke Singapura kecuali kelapa ke Bangkok dan kacang tanah ke Patani.⁴⁸ Barang-barang yang diimport pula termasuk barang-barang benang kapas, minyak tanah, rempah-ratus, candu dan barang makanan asas⁴⁹ Jadual di bawah menunjukkan nilai eksport dan import negeri Kelantan bagi tahun 1927 hingga 1934.

Jadual (1.1)
Nilai eksport dan import Kelantan bagi tahun 1927-1934.⁵⁰

Year	Eksport	Import
1927	\$9,021,621	\$6,530,025
1928	6,213,236	7,356,769
1929	7,983,889	7,572,954
1930	4,189,374	6,276,226
1931	2,854,079	2,977,158
1932	2,428,196	3,161,326
1933	3,454,098	4,057,602
1934	5,576,086	5,571,181

Jadual (1.1) menunjukkan nilai eksport dan import bagi negeri Kelantan bagi tempoh 1927 hingga 1934. Pada tahun 1927 eksport Kelantan bernilai \$9,021,621

⁴⁸ Chan Siew Kui, op.cit., hlm. 9.

⁴⁹ Ishak Shari, "Keadaan Ekonomi dan Struktur Masyarakat Melayu Kelantan Pada Abad ke-19", hlm. 30.

⁵⁰ Lihat R. Emerson, Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1964, hlm. 266.

dan import bernilai \$6,530,025. Ini menunjukkan lebihan dagangan sebanyak \$2,491,596. Pada tahun 1928 nilai eksport ialah \$6,213,236 sementara import pula bernilai \$7,356,769 dan ini menunjukkan kurangan dagangan sebanyak \$1,143,533. Bagi tahun 1929, nilai eksport ialah \$7,983,889 dan import \$7,572,954. Eksport melebihi import sebanyak \$410,935. Sementara itu pada tahun 1930 nilai eksport ialah \$4,189,374 dan import ialah \$6,276,226. Pada tahun ini nilai import melebihi eksport sebanyak \$2,086,852. Pada tahun 1931 pula nilai eksport ialah \$2,854,079 dan import ialah \$2,977,158. Sekali lagi import melebihi eksport sebanyak \$123,079. Keadaan yang sama berlaku pada tahun 1932 dan 1933. Pada tahun 1932 nilai eksport ialah sebanyak \$2,428,196 dan nilai import ialah \$3,161,326 iaitu lebihan import sebanyak \$733,130. Sementara pada tahun 1933 nilai eksport ialah \$3,454,098 dan nilai import ialah \$4,057,602 iaitu import melebihi eksport sebanyak \$603,504. Pada tahun 1934 pula, nilai eksport ialah \$5,576,086 dan nilai import ialah 5,571,181 iaitu eksport melebihi import sebanyak \$4,905.

Daripada jadual (1.1) dapat dirumuskan bahawa bagi tempoh tahun 1927 hingga 1934 nilai import melebihi nilai eksport. Keadaan ini dapat dilihat berdasarkan nilai import bagi tahun 1928, 1930, 1931, 1932 dan 1933. Walaupun di dalam tahun 1927, 1929 dan 1934 nilai eksport melebihi nilai import namun lebihan tersebut terlalu kecil. Keadaan ini akan menimbulkan implikasi dalamimbangan pembayaran atau Kelantan terpaksa menghadapi masalah difisit dalamimbangan pembayaran. Ini kerana berlakunya kemelesetan ekonomi di seluruh Semenanjung. Kelantan dengan itu tidak terlepas daripada masalah yang sama.

Ternyata keadaan ekonomi negeri Kelantan pada dekad pertama abad ke dua puluh sehingga ke tahun 1940, tidaklah begitu stabil. Pergantungan yang begitu tinggi kepada ekonomi pertanian menyebabkan perkembangan ekonomi Kelantan sering turun naik. Kelantan sering menghadapi masalah kewangan, dan ini sekaligus membantu untuk pembangunan negeri Kelantan. Jadual (1.2) menunjukkan kedudukan pendapatan dan perbelanjaan negeri Kelantan bagi tahun 1911 sehingga tahun 1934.

Jadual (1.2)
Pendapatan dan Perbelanjaan Kelantan 1911-1934.⁵¹

Year	Revenue	Expenditure
1911	\$ 487,467	\$ 574,850
1914	762,772	805,965
1917	910,291	757,946
1920	1,328,955	1,403,208
1923	1,396,855	1,271,887
1925	1,804,180	1,401,961
1927	2,448,090	2,949,438
1929	2,481,139	2,215,771
1931	1,524,139	1,961,124
1932	1,677,983	1,664,051
1933	1,801,418	1,563,782
1934	2,200,769	1,710,790

Jadual (1.2) menunjukkan kedudukan pendapatan dan perbelanjaan negeri Kelantan bagi tahun 1911 sehingga tahun 1934. Pada tahun 1911 pendapatan Kelantan ialah \$487,467 sementara perbelanjaan ialah \$574,850 iaitu perbelanjaan melebihi pendapatan sebanyak \$87,383. Pada tahun 1914 pendapatan Kelantan ialah \$762,772 sementara perbelanjaan sebanyak \$805,965. Sebanyak \$43,193 perbelanjaan melebihi pendapatan. Pada tahun 1917 pula pendapatan Kelantan ialah \$910,291 dan

⁵¹ *Ibid.*, hlm. 265.

perbelanjaannya ialah \$757,946 iaitu pendapatan melebihi perbelanjaan sebanyak \$152,345. Walau bagaimanapun dalam tahun 1920 sekali lagi perbelanjaan mengatasi pendapatan iaitu perbelanjaan sebanyak \$1,403,208 dan pendapatan \$1,328,955 dengan lebihan perbelanjaan sebanyak \$74,253. Pada tahun 1923 dan 1925, pendapatan melebihi perbelanjaan. Pada tahun 1923 pendapatan ialah sebanyak \$1,396,855 dan perbelanjaan ialah \$1,271,887 iaitu lebihan sebanyak \$124,968 dan pada tahun 1925 pendapatan Kelantan ialah \$1,804,180 dan perbelanjaan \$1,401,961 dengan lebihan sebanyak \$402,219. Pada tahun 1927 sekali lagi perbelanjaan melebihi pendapatan iaitu lebihan sebanyak \$501,348 dengan perbelanjaan sebanyak \$2,949,438 sementara pendapatan ialah \$2,448,090. Pada tahun 1929 pendapatan Kelantan ialah \$2,481,139 dan perbelanjaan ialah \$2,215,771 dengan lebihan sebanyak \$265,368. Sementara itu pada tahun 1931 pendapatan pendapatan Kelantan ialah \$1,524,139 sementara perbelanjaan ialah \$1,961,124 iaitu perbelanjaan mengatasi pendapatan sebanyak \$436,985. Pada tahun 1932, 1933 dan 1934 pendapatan melebihi perbelanjaan. Pendapatan Kelantan bagi tahun 1932 ialah \$1,677,983 sementara perbelanjaan ialah \$1,664,015. Lebihan pendapatan sebanyak \$13,968. Pada tahun 1933 pendapatan Kelantan ialah \$1,801,418 sementara perbelanjaan ialah \$1,563,782 iaitu lebihan sebanyak \$237,636. Sementara pada tahun 1934 pula pendapatan Kelantan berjumlah \$2,200,769 dan perbelanjaan \$1,710,790 iaitu dengan lebihan sebanyak \$489,979.

Daripada jadual tersebut menunjukkan bahawa Kelantan menghadapi masalah kewangan. Kelantan mengalami defisit dalam belanjawan bagi tahun 1911, 1914, 1920, 1927 dan 1931. Tidak dinafikan walaupun dalam tahun-tahun 1917, 1923,

1925, 1929, 1932, 1933 dan 1934 jumlah pendapatan melebihi perbelanjaan namun lebihan tersebut adalah terlalu kecil dan tidak memungkinkan untuk pembangunan.

Sementara itu sebahagian besar penduduk luar bandar di Kelantan masih berada dalam kemunduran dan kemiskinan. Keadaan ini menyebabkan setengah-setengah penduduk luar bandar Kelantan berhijrah keluar dari negeri itu untuk memperbaiki keadaan hidup mereka. Ramai juga yang mengambil keputusan untuk berhijrah keluar dari negeri itu dan menetap di negeri-negeri lain di Semenanjung dan juga di selatan Siam. Berhubung dengan penghijrahan rakyat Kelantan ke selatan negeri Thai, penasihat British di Kelantan pada masa itu melaporkan bahawa ramai rakyat Kelantan pergi ke Siam pada musim-musim yang berlainan “untuk mendapat bayaran upah yang lebih baik kerana Siam tidak begitu terjejas dengan rancangan kawalan terhadap bekalan getah dan bijih timah di pasaran antarabangsa”. Tetapi beliau menegaskan bahawa rakyat Kelantan “tetap pulang ke Kelantan untuk membelanjakan wang lebihan yang mereka perolehi”.⁵²

Berdasarkan keadaan di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa dasar penjajah di Kelantan bukan sahaja gagal untuk memperbaiki keadaan hidup penduduk luar bandar di negeri itu, tetapi telah memburukkan lagi krisis yang muncul dalam sektor pertaniannya pada zaman prapenjajahan.⁵³

Penduduk dan masyarakat

Salah satu faktor yang membezakan antara negeri ini dengan lain-lain negeri di Malaysia ialah dari segi komposisi penduduknya. Negeri ini merupakan negeri

⁵² Ishak Shari, Pembangunan dan Kemunduran, hlm. 180-181.

⁵³ Ibid., hlm. 181.

yang mempunyai penduduk Melayu paling ramai.⁵⁴ Di jajahan Kota Bharu penduduk Melayu berjumlah 186,595 orang. Sementara di jajahan Pasir Putih dan Ulu Kelantan masing-masing berjumlah 66,898 dan 32,870 orang. Penduduk Melayu mewakili 92.5 peratus daripada jumlah penduduk Kelantan pada tahun 1921. Jadual (1.3) di bawah menunjukkan komposisi bangsa di Kelantan di antara tahun 1911 sehingga 1941.

Jadual (1.3)
Kemposisi bangsa di Kelantan (1911-1941).⁵⁵

Bangsa	1911	1921	1931	1941
Bumiputera (Melayu)	268,707	287,363	330,774	369,256
Cina	9,844	12,755	17,612	23,363
India	731	3,575	6,752	7,951
Lain-lain	4,469	6,637	7,379	7,771
Jumlah	286,751	309,330	362,517	407,981

Mengikut banci tahun 1911, penduduk Melayu ialah 268,707 orang kemudian meningkat kepada 287,363 orang pada tahun 1921. Penduduk Melayu terus meningkat lagi pada tahun 1931 iaitu berjumlah 330,774 orang. Dalam tahun 1941 seramai 369,256 orang iaitu berlaku peningkatan sebanyak 11.6 peratus. Orang-orang Melayu kebanyakannya hidup berkelompok di kampung-kampung di sepanjang sungai Kelantan dan anak-anak sungainya. Sebilangan besar daripada mereka menjalankan aktiviti pertanian dan perikanan.

Pada tahun 1911 di Kelantan, jumlah orang Cina seramai 9,844 orang dan pada tahun 1921 meningkat kepada 12,755 orang. Peningkatan ini ialah sebanyak 29.9

⁵⁴ Lihat, J.E. Nathan, The Census of British Malaya 1921, Waterlow and Sons Limited, London, 1922, hlm. 32.

⁵⁵ Victor Purcell, The Chinese in Malaya, Oxford University Press, Singapore, 1967, hlm. 328.

peratus. Penduduk Cina terus meningkat lagi pada tahun 1931 berjumlah 17,612 orang dan dalam tahun 1941 seramai 23,363 orang iaitu meningkat kepada 32.7 peratus. Peningkatan ini berlaku kerana imigrasi orang Cina yang berhijrah ke Kelantan dalam jangka waktu itu meningkat sedangkan orang-orang Cina yang pulang ke negeri China semakin berkurang. Kebanyakan orang-orang Cina terdapat di Pulai dan di kampung-kampung di sepanjang sungai Kelantan.⁵⁶

Orang India pula seramai 731 orang pada tahun 1911 tetapi telah meningkat kepada 3,575 orang pada tahun 1921.⁵⁷ Pada tahun 1931 penduduk India berjumlah 6,752. Seterusnya pada tahun 1941 terdapat lagi peningkatan penduduk India iaitu menjadi 7,951 orang. Peningkatan ini ialah sebanyak 12 peratus. Kebanyakan kaum India bekerja di estet-estet di Ulu Kelantan dan dalam perkhidmatan keretapi.

Daripada jadual tersebut menunjukkan bahawa orang Melayu merupakan bilangan penduduk yang tertinggi jumlahnya dan kemudiannya diikuti oleh kaum Cina dan India. Sementara itu kawasan yang paling padat dengan penduduk ialah di jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Putih dan Tumpat.⁵⁸

Masyarakat Melayu boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan pemerintah dan golongan yang diperintah.⁵⁹ Walau bagaimanapun terdapat juga

⁵⁶ Pulai adalah sebuah pekan utama bagi daerah Galas di Ulu Kelantan, manakala daerah Gua Musang merupakan kawasan komuniti Cina yang terdapat di bahagian Sungai Pergau. Lihat, H. Clifford, "A Journey Through the Malay State of Trengganu and Kelantan", dalam The Geographical Journal, Vol.1X, 1874, hlm.33. Lihat juga, A. Rentse "History of Kelantan", dalam JMBRAS, Jilid 12, No. 2, 1934, hlm. 44-62.

⁵⁷ J.E.Nathan, op.cit., hlm. 35.

⁵⁸ Chan Siew Kui, op.cit., hlm. 3.

⁵⁹ Golongan pemerintah terdiri daripada raja, anak-anak raja dan golongan bangsawan Melayu. Sementara golongan yang diperintah dikenali sebagai rakyat jelata atau orang kebanyakan. Lihat, J.M.Gullick, op.cit., hlm. 65.

sesetengah sarjana yang mengkelaskan masyarakat Melayu tradisional kepada tiga iaitu golongan bangsawan, golongan pertengahan dan golongan rakyat jelata.⁶⁰ Keadaan yang sama dapat dilihat di dalam susun lapis masyarakat Melayu Kelantan.

Di Kelantan, golongan bangsawan terdiri daripada sultan,⁶¹ kerabat di raja⁶² dan golongan yang bergelar Nik dan Wan.⁶³ Pada awal abad ke dua puluh, anggota golongan ini dianggarkan berjumlah kira-kira 12,000 orang, iaitu kira-kira 4% daripada jumlah keseluruhan penduduk Kelantan, yang pada masa itu berjumlah kira-kira 300,000 orang.⁶⁴ Golongan ini sentiasa hidup dalam kemewahan dan mereka juga diberi konsesi-konsesi tertentu, seperti keutamaan dalam menuntut cukai, ufti dan tenaga buruh paksa daripada rakyat.⁶⁵ Pengerahan buruh bagi pembinaan parit dan benteng merupakan satu contoh sistem kerja berat yang dikenakan ke atas rakyat. Gullick menjelaskan mengenai sistem kerah ini seperti berikut,

⁶⁰ Lihat, Khoo Kay Kim, The Western Malay States 1850-1873, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 1 dan 2.

⁶¹ Sultan merupakan seorang pemimpin yang terletak dipuncak dalam sistem politik negeri Kelantan. Sila lihat, J. M. Gullick, op.cit., hlm. 71.

⁶² Kerabat Di raja termasuklah semua orang yang berdarah raja, iaitu yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan raja yang memerintah atau pun dengan yang sudah mangkat, tidak kira samada hubungan kekeluargaan itu jauh atau pun dekat. Sila lihat, Khoo Kay Kim, Sejarah Malaysia, Yayasan Anda, Kuala Lumpur, hlm. 53.

⁶³ Golongan Nik dan Wan merupakan satu ‘status group’ di dalam sistem pemerintahan tradisional di negeri Kelantan. Golongan ini dalam susun lapis masyarakat terletak di bawah Kerabat Di raja. Ibid., hlm. 57.

⁶⁴ Ishak Shari, “Keadaan Ekonomi dan Struktur Masyarakat Melayu Kelantan Pada Abad ke-19”, hlm. 33.

⁶⁵ Amarjit Kaur, “Semenanjung Tanah Melayu Pada Abad ke-19: Suatu Tinjauan Ekonomi”, dalam Masyarakat Melayu Abad ke 19, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 3.

Apabila sa-orang pembesar berkehendakkan buroh untuk kerja-kerja umum atau kerja-kerja sendiri seperti membersihkan sungai, membina sa-buah masjid atau pun rumah, mengendalikan perahu dalam perjalanan semua orang yang berdekatan dipanggil, melalui penghulu, untuk datang dan mengerjakan kerja paksa ini, yang tidak dibayar upah dan meski pun buroh-buroh ini harus di-beri makanan sa-lama melakukan pekerjaan itu, tetapi tidak selalu di-lakukan.⁶⁶

Munsyi Abdullah dalam catatannya semasa melawat Kelantan pada pertengahan abad ke 19, menyatakan bahawa kaum bangsawan di negeri Kelantan, tidak bimbang mengenai soal pendapatan mereka. Asalkan ada rakyat, mereka pasti ada pendapatan. Jadi harta rakyat adalah harta mereka juga. Mengenai kerja-kerja yang bersangkut paut dengan kepentingan golongan bangsawan, maka golongan rakyat bawahan bersedia sahaja untuk mengerjakannya. Ini dapat dilihat di dalam tulisan Munsyi Abdullah yang berbunyi,

...maka kata orang itu,". Ini-lah tuan, adat Melayu ini terlalu aniaaya; sahaya sendiri juga membawa makanan, dan anak bini sahaya tinggal di-rumah itu; barang-kali makan, barang-kali tidak; demikian-lah berbulan-bulan; sa-hari-hari mengerjakan pekerjaan raja; dan jikalau tiada pergi, disuroh-nya rampas rumah sahaya dan barang-barang sahaya; maka jikalau melawan di-bunoh-nya,...⁶⁷

⁶⁶ J. M. Gullick, op.cit., hlm. 174.

⁶⁷ Lihat, Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Kesah Pelayaran Abdullah, Malaya Publishing House Limited, Singapore, 1928, hlm. 73.

Gambaran di atas, menunjukkan keadaan corak hidup golongan bangsawan pada masa itu. Keadaan seperti ini masih lagi berlaku di sekitar tahun-tahun 1900. Ini dapat dilihat dari peraturan-peraturan yang dibuat oleh kerajaan Negeri Kelantan yang telah meluluskan satu undang-undang pada tahun 1904 yang dikenali dengan nama “Peraturan Cukai Kepala dan Kerahan.”(the poll and corvee regulation).⁶⁸

Golongan pertengahan pula kebanyakannya dapat mengecapi kemewahan hidup yang tidak jauh perbezaannya dengan golongan bangsawan, tetapi mereka tidak mempunyai kuasa seperti mana yang ada pada golongan bangsawan. Sungguhpun begitu mereka ini tetap mendapat sanjungan atau dihormati oleh golongan bangsawan atau pihak pemerintah dan juga rakyat jelata. Penghormatan dan sanjungan tinggi terutamanya diberi kepada kaum cerdik pandai dan ahli agama atau alim-ulama. Golongan seperti ini sudah tentu mendapat kedudukan yang penting di kalangan pemerintah dan rakyat biasa, kerana mereka dianggap berguna di dalam kehidupan sehari-hari kepada kedua-dua golongan tadi. Ini adalah sesuai dengan pegangan yang teguh kepada Agama Islam di kalangan masyarakat Melayu di negeri Kelantan pada waktu itu.

Golongan rakyat jelata atau orang kebanyakan, adalah jumlah terbesar penduduk negeri Kelantan. Golongan ini keseluruhannya hidup secara penghidupan desa,

⁶⁸ Di sini ada disentuh tentang sistem kerah, di mana sistem ini merupakan perintah raja ke atas rakyat untuk membuat kerja-kerja bagi kepentingan umum, seperti membaiki jalanraya, jambatan, masjid dan sebagainya. Kerja-kerja seperti ini dilakukan secara percuma oleh rakyat. Raja (Sultan) akan memerintah To' Kweng untuk melaksanakan kerja ini. To' Kweng mempunyai kuasa mengerah terhadap sesiapa sahaja yang berada di bawah jagaannya dalam masa 12 jam. Mereka yang enggan mematuhi perintah ini akan didenda sebanyak \$50. Sementara cukai kepala pula ialah bayaran yang dikenakan ke atas setiap rakyat negeri Kelantan sebanyak \$1.00 bagi orang dewasa dan 50 sen bagi kanak-kanak. Orang tua, pekerja masjid dan pegawai kerajaan dikecualikan dari membayar cukai. Ini termasuk juga pegawai kerajaan. Lihat Annual Report Kelantan (ARK), 1904-1905, hlm. 10.

yakni menumpukan penghidupan kepada pertanian.⁶⁹ Hubungan di antara golongan bangsawan (pemerintah) dengan rakyat jelata memperlihatkan satu keadaan di mana rakyat wujud sebagai punca tenaga kerja kepada pihak pemerintah. Menurut Hugh Clifford, Residen Pahang yang pernah melawat Kelantan,

The rakyat here, has no rights of person or property and he is only regarded by his rulers as a source of revenue. The people are miserably poor, and the debt slave system is here carried to a greater length than in Trengganu, Kelantan native freely selling their children for a few dollars a piece.⁷⁰

Di Kelantan, terdapat sebahagian golongan rakyat biasa yang hidup miskin dan menderita. Mereka dilatih mentaati raja sepanjang hayat. Mereka dipaksa berkhidmat untuk kepentingan raja. Menurut Sir Frank Swettenham,

...the Raja and Chiefs ruled. The people obeyed. The people have no initiative whatever. They were there to do the will of the raja or the chief...the commands of the ruler must be followed by all.⁷¹

Jika raja dan pembesar berkehendakkan tenaga rakyat , sistem kerah digunakan, rakyat terpaksa meninggalkan kerja mereka demi kepentingan kerja raja. Menurut William R. Roff,

⁶⁹ Golongan ini boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Pertama, golongan petani yang terdiri dari penanam, nelayan dan utas. Kedua, golongan pedagang dan ketiga ialah golongan hamba yang terdiri daripada hamba abdi dan hamba berhutang. Lihat, Amarjit Kaur, op.cit., hlm. 3.

⁷⁰ Hugh Clifford, op.cit., hlm. 133.

⁷¹ Lihat, Frank Swettenham, Foot Print in Malaya, Hutchinson and Co. Ltd., London, 1941, hlm. 84.

...use was made of the institution of kerah or corvée under which the inhabitants of all the villages in the district were obliged to contribute labour for working the fields, for collecting forest products and other public or private work from clearing paths to erecting buildings.⁷²

Cara yang dilakukan oleh pembesar ini melahirkan peribahasa “kerja raja dijunjung kerja sendiri dikelek”. Rakyat mesti melakukan kerja raja dengan meninggalkan kerja sendiri. Demikian kedudukan rakyat terhadap raja pada masa itu, tidak ada satu daerah yang pembesarnya tidak menggunakan tenaga rakyat untuk bekerja demi kepentingan diri sendiri.

Tinjauan ke atas keadaan masyarakat Kelantan pada zaman itu menunjukkan bahawa pada amnya, terdapat tiga kelas utama dalam masyarakat. Kelas yang paling ramai terdiri daripada petani, manakala kelas yang terbawah pula terdiri daripada golongan hamba berhutang dan hamba abdi. Kelas yang menguasai dan memeras lebihan kelas bawahan terdiri dari golongan bangsawan dan orang kaya.

Kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu Kelantan

Secara umumnya dapat dikatakan masyarakat Melayu sebelum Perang Dunia Kedua meletakkan taraf wanita lebih rendah daripada kaum lelaki dan tidak berhak untuk campur tangan dalam perkara siasah. Namun begitu dalam sejarah kerajaan Melayu Kelantan pada abad ke tujuh belas terdapat dua orang wanita Di raja iaitu Cik

⁷² W. R. Roff, *op.cit.*, hlm. 5.

Siti Wan Kembang⁷³ dan Puteri Saadong.⁷⁴ Kedua-duanya pernah memegang teraju pemerintahan negeri, tahap politik yang paling tinggi.⁷⁵ Penglibatan itu memang dipandang penting kerana kedua-duanya berperanan sebagai raja pemerintah, bukan hanya sebagai pembesar negeri. Selain daripada dua orang wanita tersebut tidak ada wanita-wanita lain yang melibatkan diri di bidang politik.

Pada umumnya, wanita Melayu Kelantan dilihat lebih berperanan sebagai ibu dan suri rumah sahaja. Kedudukan wanita di dalam masyarakat Melayu tradisional terhad kepada rumah tangga dan menolong di sawah dan kebun-kebun kecil. Bagi mereka yang belum bersuami, selalunya peranan mereka terhad setakat menolong pekerjaan di rumah.⁷⁶

Walau bagaimanapun wanita Melayu Kelantan misalnya, selain daripada menguruskan rumah tangga, mereka juga aktif di dalam bidang perniagaan. Ini menunjukkan kegiatan wanita Melayu Kelantan di dalam bidang ekonomi tidak dapat dinafikan. Banyak bukti menunjukkan bahawa kegiatan mereka di bidang ekonomi wujud atau bermula sejak zaman tradisional. Abdullah Munsyi yang pernah melawat Kelantan pada abad yang ke sembilan belas telah menulis,

⁷³ Che Siti Wan Kembang ialah anakanda Raja Ahmad memerintah negeri Kelantan pada tahun 1584. Menaiki tahta kerajaan pada tahun 1610 Masehi. Bukti yang menyatakan wujudnya pemerintahan Che Siti Wan Kembang dapat dilihat tentang kawasan pemerintahan baginda yang masih menjadi tempat sejarah iaitu "Serendah Sekebun Bunga Cherang Tegayung." Lihat, Alias Mohamed, *op.cit.*, hlm. 4.

⁷⁴ Puteri Saadong ialah anakanda kepada Raja Layor, di daerah Timur Laut Kelantan, bertempat di Jembal (Kedai Lalat sekarang). Che Siti mengadakan hubungan baik dengan Raja Layor, oleh itu Raja Layor membenarkan Che Siti menjadikan Puteri Saadong sebagai anak angkatnya.

⁷⁵ Khoo Kay Kim, Sejarah Masyarakat Melayu moden, Jabatan Penerbitan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 210.

⁷⁶ Lihat, William R.Roff, The Origins of Malay Nationalism, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1967, hlm. 156.

Kemudian maka bertemu-lah sahaya dengan orang benjual bunga melur berchuchok-chuchok terlalu banyak, ada kira-kira sa-gantang atau dua gantang, harga-nya dua tiga pitis. Maka apabila petang-lah hari, maka kelihatan beratus-ratus perempuan berjalan turun dari darat. Maka ada masing-masing menjunjong sa-orang satu bakul, hendak di-bawa-nya ka-pasar. Maka adalah dalam bakul itu serba jenis makanan, dan sayur-sayur, dan pisang tebu, dan segala jenis hulam-hulam, dan sa-bagai-nya.⁷⁷

Pandangan yang sama juga dicatatkan oleh W.A.Graham seorang pentadbir British di Kelantan. Beliau telah menulis;

Being a Mohammadan country one might expect to find the female part of the population confined to the house or allowed to go abroad only on rare occasions and when they do do they are carefully veiled from the vulgar eyes. Customs, however has decreed quite otherwise, and as regards the position of women, the Kelantanese follow the customs of their Siamese, Burmese, Cambodian and other Mongolia neighbours rather than the sterner preceps of their adopted religion. The women move about with perfect freedom, buying and selling in the markets and in the shops, visiting their friends and assisting their husbands in their agricultural pursuits and except for the wearing of kelumbong which burlesque in the only concession to Islam, their habits and manners are scarcely to be distinguished from the usually modest behavior of the females of other Indon-Chinese races.⁷⁸

⁷⁷ Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, op.cit., hlm. 75.

⁷⁸ W.A. Graham, op.cit., hlm. 24-25.

Dua contoh yang dikemukakan oleh kedua-dua pemerhati yang berada di Kelantan pada akhir abad ke sembilan belas dan awal abad ke dua puluh, membuktikan bahawa wanita di sana telah lama menceburkan diri di dalam bidang ekonomi.

Seperti di negeri-negeri Melayu yang lain pada awal kurun ke dua puluh, wanita Kelantan juga tidak mendapat hak pendidikan formal yang sewajarnya kerana tekanan adat resam dan kekurangan kemudahan di bidang tersebut. Mereka hanya menerima pelajaran ugama yang asas sahaja iaitu yang berkaitan dengan agama dan bacaan al-Quran bagi membolehkan mereka mengerjakan sembahyang dan lain-lain rukun Islam.⁷⁹ Mereka juga menerima pelajaran memasak dan mengurus rumah tangga untuk amalan sehari-hari.

Pendidikan formal bagi kanak-kanak perempuan Melayu di Kelantan hanya bermula pada tahun 1926.⁸⁰ Mereka dibenarkan menumpang belajar di sekolah lelaki secara kecil-kecilan. Sekolah bagi kanak-kanak perempuan belum wujud. Sekolah perempuan pertama dibuka di Kelantan ialah sekolah Padang Garong yang dikenali pada masa itu sebagai Sekolah Kebangsaan Merbau. Pada peringkat permulaan sekolah ini hanya dapat menampung seramai tiga puluh orang murid sahaja. Selain sekolah tersebut sekolah yang bercorak agama telah ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan yang dikhaskan untuk kanak-kanak perempuan. Sekolah Inggeris bagi

⁷⁹ Nik Zainab Hj. Abd.Karim, "Peranan dan Kedudukan Wanita dalam Masyarakat Melayu Kelantan", dalam Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusuf (ed.), Kelantan dalam Perspektif Sosio-Budaya, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 206.

⁸⁰ Nik Zainab Hj. Abd. Karim, " Wanita Melayu dalam Konteks Perubahan Ekonomi dan Politik", Tesis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 114.

A508392216

kanak-kanak perempuan di Kelantan dibuka pada tahun 1937 bertempat di Merbau Kota Bharu. Ia terletak berhampiran dengan Sekolah Melayu Kebangsaan Merbau.⁸¹

Pada peringkat awal ini tidak ramai kanak-kanak perempuan yang pergi ke sekolah. Ini kerana adat resam Melayu masih lagi membataskan peranan anak-anak perempuan di rumah sahaja.⁸² Mereka difikirkan tidak perlu menerima pelajaran sebagaimana anak lelaki kerana pada akhirnya tempat mereka hanya di dapur sahaja. Selain itu adat resam Masyarakat Melayu Kelantan tidak membebaskan gadis-gadis berjalan keluar rumah sebagaimana anak lelaki dari segi menjaga nama baik keluarga. Selain itu ibu bapa mereka khuatir kalau-kalau pelajaran yang diberikan itu digunakan untuk melakukan perbuatan yang kurang sopan seperti menulis surat-surat cinta.

Sebelum Perang Dunia Kedua, wanita Melayu Kelantan tidak memainkan peranan penting dalam bidang politik. Hal yang sama juga dapat dilihat di dalam bidang pelajaran, wanita tidak mendapat hak yang sewajarnya. Namun begitu di dalam bidang ekonomi nyata kedudukan mereka setanding dengan kaum lelaki.

Kesimpulan.

Kelantan di sekitar tahun-tahun 1900 sehingga 1941 mengalami beberapa perubahan. Dari segi pentadbiran, perubahan yang ketara terutama selepas termetrinya perjanjian Inggeris-Siam pada tahun 1909. Penubuhan MMN, pengambilalihan jawatan

⁸¹ Nik Zainab Hj.Abd. Karim, "Peranan dan Kedudukan Wanita dalam Masyarakat Melayu Kelantan", hlm. 106-107.

⁸² Lihat Nik Zainab Hj.Abd. Karim, "Wanita Melayu dalam Konteks Perubahan Ekonomi dan Politik", hlm. 114. Lihat juga Khadijah Hj. Muhammad, "Wanita Melayu dan Pekerjaan", Tesis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 38.

ketua-ketua pejabat oleh pegawai British menggantikan pegawai-pegawai tradisional tempatan mula berlaku. Dengan ini sosio-budaya kepimpinan pentadbiran Melayu tradisional telah diketepikan oleh British. Bagaimana pun sistem pentadbiran beraja tetap dikekalkan.

Dari segi ekonomi, perubahan juga berlaku. Penguasaan syarikat-syarikat luar negeri dalam bidang perlombongan dan perladangan terutamanya di Hulu Kelantan adalah jelas semenjak sebelum pentadbiran Graham lagi. Penguasaan syarikat-syarikat luar negeri ini berterusan walaupun selepas pengambilalihan pentadbiran oleh British dari Siam. Implikasi daripada perkembangan ekonomi komersial menyebabkan pertambahan golongan imigran seperti orang Cina dan India dapat diperhatikan selepas tahun 1909. Perkembangan ekonomi komersial tidak membawa keuntungan kepada masyarakat Melayu kerana umumnya rata-rata mereka masih bergantung kepada ekonomi sara diri. Kebergantungan yang tinggi kepada ekonomi pertanian menyebabkan perkembangan ekonomi Kelantan sering turun naik. Kelantan sering menghadapi masalah kewangan dan ini sekaligus membantutkan pembangunan negeri Kelantan.

Perubahan-perubahan yang berlaku sukar dinafikan, walau bagaimanapun perubahan-perubahan hanya berlaku di kalangan mereka yang terlibat dengan pentadbiran kerajaan sahaja. Rakyat jelata yang tinggal di kampung-kampung dan kawasan pedalaman masih berada seperti mana di zaman sebelum tahun 1900 dahulu. Kedudukan sosial mereka sebagai rakyat biasa yang menjadi hamba kepada raja atau pemerintah masih wujud. Mereka masih mengamalkan sistem ekonomi berbentuk sara diri. Mereka juga boleh dikatakan tidak terlibat langsung dalam politik.

Mengenai wanita pula mereka tidak mendapat kedudukan sewajarnya dalam masyarakat. Dalam bidang politik umpamanya tidak ada kenyataan yang menerangkan mereka turut terlibat. Hal yang sama berlaku dalam bidang pelajaran iaitu mereka hanya menerima pelajaran asas agama dan selok belok menguruskan rumahtangga kerana mereka diperlukan di rumah sebagai suri rumahtangga. Penglibatan wanita Melayu Kelantan dalam bidang ekonomi terus berlaku, terutama dalam perniagaan-perniagaan kecil di pasar-pasar terbuka. Namun begitu keadaan ini tidak membantu ke arah mengukuhkan ekonomi Kelantan kerana secara keseluruhannya keadaan ekonomi Kelantan masih berbentuk saradiri.

Apa yang jelas, keadaan masyarakat di negeri Kelantan pada awal abad kedua puluh masih lagi mengalami sistem masyarakat tertutup. Susun lapis masyarakat berdasarkan kepada darah keturunan tetap wujud. Keturunan bangsawan mendapat tempat paling atas dan utama dalam semua bidang baik dalam bidang ekonomi, politik dan sosial.